

23 APR 2001

MCA-Politik wang

MCA AKAN KAJI CADANGAN UMNO TIDAK BENARKAN CALON KAYA BERTANDING

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- MCA akan mengkaji cadangan Perdana Menteri yang juga Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menghalang anggota Umno yang terlalu kaya daripada bertanding jawatan penting parti bagi membendung amalan politik wang.

Setiausaha MCA Datuk Seri Dr Ting Chew Peh berkata parti itu akan mengkaji cadangan itu memandangkan ia dibuat oleh Perdana Menteri yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN).

"Memadangkan beliau adalah pengerusi Barisan Nasional, kami juga akan mengkajinya, tetapi pada masa ini kami sebenarnya tidak berhadapan dengan masalah itu (politik wang)," katanya kepada pemberita selepas menandatangani skim insentif penghantar serantau antara Pihak Berkuasa Pelabuhan Klang (KPA) dengan 13 operator penghantar serantau.

Pakej insentif itu bertujuan membangunkan rangkaian penghantaran yang baik daripada kawasan pedalaman persekitaran rantau ini ke Pelabuhan Klang. Ting ialah pengerusi KPA.

Ting berkata kebanyakan anggota MCA, terutama pemimpin cawangan dan bahagian adalah daripada kampung-kampung baru dan tidak kaya dan keadaan ini tidak menggalakkan mereka daripada terbabit dalam politik wang.

Bagaimanapun, katanya sebagai langkah pencegahan, parti itu telah mengeluarkan garis panduan untuk menyekat politik wang pada 1996 yang antara lain, melarang anggota daripada menggunakan wang dan hadiah, termasuk menganjurkan makan malam, untuk mempengaruhi pengundi, katanya.

Ting berkata cadangan Dr Mahathir itu dijangka akan berhadapan dengan beberapa masalah dalam mendefinisikan "kaya" seperti yang dihadapi MCA pada pemilihan 1996 dan 1999.

"Itu sebab mengapa kami hanya mengeluarkan garis panduan bagi menekankan mengenai seriusnya parti dalam menyekat politik wang," katanya.

Dan sejak garis panduan itu dikeluarkan, MCA tidak menerima sebarang aduan mengenai politik wang daripada anggotanya, katanya.

-- BERNAMA

AT ZS LAT